

Amaran Mahathir bahaya penjajah bentuk baru

UMI -4 JUL 1980

KUALA LUMPUR 3 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Pemuda dan Wanita UMNO bahawa tidaklah perlu mereka menonjol rupa bentuk rekaan yang kononnya dikatakan Islam, kerana ini bukan sahaja tidak penting tetapi sebagai perbuatan riak yang bertentangan dengan Islam.

"Saudara dan saudari tidak perlu meniru perbuatan yang begitu ketara sekarang sebagai satu usaha bersaing dengan orang yang telah memperalatkan agama untuk kepentingan diri," kata Timbalan Perdana Menteri. serta Undang-Undang Keluarga Islam, inflasi dan pergolakan politik dunia.

Mengenai rancangan kerja Wanita UMNO untuk menghadapi cabaran tahun lapan puluhan, beliau memberitahu terdapat dua rancangan besar yang perlu dijalankan oleh pergerakan itu.

Rancangan pertama ialah penubuhan Unit Pengguna Desa di segenap peringkat, dan kedua mengadakan kursus memperkukuhkan ikatan keluarga di segenap peringkat dari masa ke semasa untuk mem-

beri kesedaran kepada umat Islam, sama ada lelaki atau perempuan, tentang tanggungjawab mereka.

Memandangkan kepada kemajuan yang diharapkan dapat dicapai oleh pergerakan tersebut, terutama dalam bidang ekonomi, kemasukan tenaga profesional wanita yang lebih ramai adalah diperlukan, tegas beliau.

Beliau juga memberitahu, mulai tahun ini, Wanita UMNO akan menumpukan perhatian kepada pembangunan cawangan-cawangan dan bahagian-bahagiannya di mana program-program kerja akan diadakan seperti dialog-dialog berkaitan dengan perkara-perkara penting semasa.

Di samping itu, tambahnya, konvensyen-konvensyen kecil di

Amaran bahaya penjajah bentuk baru

UMNO tidak perlu menonjolkan rupa bentuk yang kononnya dikatakan Islam itu kerana ia bukan sahaja tidak penting, tetapi adalah bertentangan dengan Islam.

Pemuda dan Wanita tambahannya, hendaklah menekankan kepentingan pelajaran, persaudaraan, kekuatan pertahanan, pengelakan dari keniskinan di samping amalan-amalan ibadah yang wajib yang

menjadikan mereka sebagai orang Islam.

Mengenai UMNO, Timbalan Presiden UMNO itu berkata prinsip perpaduan dalam UMNO dan di luar UMNO adalah satu prinsip penting yang telah membawa kejayaan yang banyak, bukan sahaja kepada UMNO,

tetapi juga negara.

Walaupun ahli-ahli UMNO bebas mengkritik dasar dan kepimpinan dan bertan-

ding untuk merebut jawatan-jawatan dalam UMNO, semua ini dibuat tanpa merosakkan perpaduan. Memang benar ada kalanya beberapa orang telah lupa kepada perpaduan dan mengutamakan hasrat diri atau kumpulan.

"Mereka ini menggunakan cara-cara yang buruk dan terkeluar dari aturan peraturan kerana ingin mendapat sesuatu tempat bagi diri mereka."